

# Umno Sungai Lada anjur Mini Karnival Sukan

OLEH JAINUDIN DJIMIN

LABUAN: Umno cawangan Kampung Sungai Lada berjaya menarik lebih 500 penduduk kampung pelbagai lapisan masyarakat untuk menyertai Mini Karnival Sukan yang diadakan di Dewan Komuniti Kampung Sungai Lada pada Sabtu lalu.

Program sehari itu telah dirasmikan oleh Ketua Umno Bahagian yang juga Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli.

Hadir sama, Ketua Kampung yang juga Ketua Cawangan Sungai Lada, Haji Alias Haji Mohammad, Timbalan Ketua Umno Bahagian, Haji Bashir Haji Alias, Naib Ketua Umno Bahagian, Khalid Abdul Ghani, Setiausaha Bahagian, Sudin Samat dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian, Murshidi Juanah.

Turut hadir, Ketua Wanita Umno Cawangan, Rubiah Haji Karim, Ketua Pergerakan Pemuda cawangan, Sharizal Jalil dan Ketua Puteri cawangan, Norazlina Haji Karim, Ketua Umno Cawangan Negalang/Kerupang,

Sukimin Wakimin dan Ketua Umno cawangan Bebuloh, Haji Chemat Haji Mustapha.

Pelbagai acara menarik telah diadakan termasuklah sukan rakyat, bola sepak 9 sebelah dan juga Kempen Daftar Pemilih dan ahli ahli baru yang dikendalikan oleh Biro Daftar Pemilih Umno Bahagian.

Acara cabutan tiket bertuah yang menyediakan lebih 50 hadiah istimewa turut menjadi tarikan penduduk kampung sekaligus memariahkan program Mini Karnival sukan Sungai Lada.

Rozman ketika berucap di majlis itu mengucapkan tahniah diatas kegigihan ahli ahli Umno Sungai Lada yang telah berjaya menganjurkan Mini Karnival dengan menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan belia dan warga emas.

Beliau tidak menafikan Kampung Sungai Lada berpotensi untuk mewujudkan lebih banyak aktiviti sukan bukan sahaja kerana kesepakatan penduduknya, malah mempunyai kemudahan sukan khususnya dalam sukan pelancongan.



SIMBOLIK... Rozman menyepak bola ke dalam gawang tanda simbolik perasmiah Mini Karnival Sukan anjuran Umno Cawangan Sungai Lada.



KENANGAN...Rozman (12 dari kanan) bersama Bashir (10 dari kanan) bergambar kenangan dengan peserta bola sepak 9 sebelah Sungai Lada.